



7 Disember 2017
7 December 2017
P.U. (A) 377

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KANUN TANAH NEGARA (TANAH BAWAH TANAH) (KEDALAMAN MINIMUM) 2017

NATIONAL LAND CODE (UNDERGROUND LAND) (MINIMUM DEPTH) REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

PERATURAN-PERATURAN KANUN TANAH NEGARA (TANAH BAWAH TANAH)
(KEDALAMAN MINIMUM) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 92I Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Menteri, dengan kelulusan Majlis Tanah Negara, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kanun Tanah Negara (Tanah Bawah Tanah) (Kedalaman Minimum) 2017**.

Kedalaman minimum

2. Kedalaman minimum berkenaan dengan tanah bawah tanah yang dinyatakan di bawah seksyen 92B adalah sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual.

Ketidakpakaian

3. Kedalaman minimum yang dinyatakan dalam Jadual tidak terpakai—

(a) bagi permohonan tuan punya—

(i) untuk serah balik di bawah seksyen 197 dan beri milik di bawah seksyen 76 yang dibuat serentak; atau

(ii) untuk serah balik dan beri milik semula di bawah seksyen 204D; atau

(b) berdasarkan penggunaan tanah bawah tanah itu, atau kehendak bagi pembangunan tanah bawah tanah itu atau perkara lain yang menyentuh tanah bawah tanah itu berhubung dengan penggunaan atau kehendak bagi pembangunan tanah bawah tanah itu.